

14 OCT 2003

Mahathir-temu bual

SAYA SEPATUTNYA SUDAH BERUNDUR 22 JUN TAHUN LEPAS, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau sepatutnya sudahpun melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 22 Jun tahun lepas sekiranya dibenar menghabiskan ucapannya pada Perhimpunan Agung Umno ketika itu.

Dr Mahathir berkata beliau telahpun bersedia untuk berundur pada hari berkenaan.

Dalam satu temu bual eksklusif dengan Bernama di sini -- temu bual terakhir beliau dengan media sebelum melepaskan jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno pada 31 Okt ini -- beliau mengimbas kembali kandungan ucapannya dalam muka surat terakhir yang tidak sempat dibaca kerana anggota-anggota Majlis Tertinggi Umno, yang tidak dapat menahan perasaan, telah mengerumuninya, dan disebabkan beliau sendiri juga tidak dapat menahan perasaan, tidak membaca bahagian terakhir ucapannya yang bertulis tangan itu.

Ketika ditanya sama ada peletakan jawatannya itu masih akan berkuat kuasa penghujung bulan ini jika beliau berpeluang menghabiskan ucapannya itu, beliau berkata : "Tidak, tidak, tidak. Jika saya dibenarkan, itulah tugas rasmi terakhir saya pada hari itu juga.

"Saya akan berundur pada hari berkenaan. Saya menimbang semula untuk meneruskan (khidmat) kerana terdapat rayuan daripada Pak Lah (Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) yang mahu saya kekal. Jika beliau kata beliau sudah sedia mengambil alih dan sebagainya, sudah tentu saya akan berundur.

"Ya, kalaulah saya dibenar meneruskannya, saya sudah bersedia untuk berundur pada hari itu juga," katanya.

Dr Mahathir berkata jika diberi peluang menghabiskan ucapannya, beliau ingin menjelaskan yang beliau akan melepaskan semua peranan dalam parti dan kerajaan serta menjelaskan bahawa tindakan beliau untuk terus berkhidmat sehingga tempoh itu adalah kerana beliau mahu meletakkan parti dan ekonomi dalam keadaan baik.

Sambil menegaskan bahawa pada asalnya beliau bercadang untuk bersara pada 1998, Dr Mahathir berkata krisis ekonomi dan masalah yang beliau hadapi dengan timbalannya ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menghalang beliau daripada berbuat demikian.

Pada Perhimpunan Agung Umno tahun lepas, Dr Mahathir berkata bahawa oleh kerana beliau berpendapat beliau telah berjaya meletakkan parti dalam keadaan baik dan menempatkan semula ekonomi negara di landasan yang betul, maka itu masa yang sesuai untuk beliau berundur.

"Itu yang hendak saya katakan, tidak ada yang sensasi," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau sudahpun berundur sekiranya Abdullah menyatakan yang beliau (Abdullah) sudah bersedia untuk mengambil alih.

"Jika saya dibenarkan berbuat demikian, itulah majlis rasmi terakhir saya...saya akan berundur pada hari itu juga."

Bagaimanapun, Dr Mahathir bersetuju untuk terus berkhidmat hingga selepas berlangsungnya Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Sidang Kemuncak OIC kerana rakyat, termasuk Abdullah, mahukan beliau berbuat demikian.

Semasa berucap di Perhimpunan Agung Umno pada 22 Jun itu, Dr Mahathir sebak sebaik sahaja mengumumkan hasrat beliau untuk berundur. Sejurus itu juga, anggota-anggota Majlis Tertinggi parti menyerbu beliau di atas pentas dan menyatakan kepada Perdana Menteri bahawa beliau tidak boleh berundur.

Dr Mahathir yang tidak berkesempatan menghabiskan ucapannya kemudian dibawa ke bilik menunggu sementara Abdullah pula membentangkan usul tergepar bagi menggesa anggota perwakilan supaya menolak keputusan Dr Mahathir untuk berundur. Usul itu diluluskan dengan sebulat suara oleh perwakilan.

Pada hari berikutnya, Abdullah mengetuai satu rombongan terdiri anggota kanan Majlis Tertinggi Umno menemui Dr Mahathir dan merayu kepada beliau supaya terus berkhidmat. Pada pertemuan itulah Dr Mahathir menyatakan keputusan beliau untuk berundur hanya selepas Sidang Kemuncak OIC.

Ditanya kenapa beliau memilih Perhimpunan Agung Umno untuk mengumumkan persaraannya, Dr Mahathir berkata beliau telah cuba menyatakan kepada rakan-rakan kanannya secara peribadi mengenai hasratnya itu tetapi setiap kali berbuat demikian, mereka berkata beliau tidak boleh berbuat begitu.

"Saya beritahu Tan Sri Khalil (Yaakob, Setiausaha Agung Umno) yang saya hendak bersara, tapi katanya jangan...jangan...jangan bersara.

"Saya fikir, sekiranya saya tidak membuat pengumuman mengenainya, orang akan fikir saya tidak serius. Dengan membuat pengumuman di hadapan umum, terutama pada perhimpunan Umno, yang saya anggap sebagai forum paling penting bagi saya, maka tiada jalan lagi untuk berpatah balik.

"Dengan membuat pengumuman di hadapan umum, sekiranya saya menarik balik, kredibiliti saya akan hilang."

Ditanya kenapa beliau tetap berkeras untuk berundur walaupun setiap lapisan rakyat merayu agar beliau terus berkhidmat, Dr Mahathir berkata: "Antara perkara yang diajar kepada saya semasa kecil ialah saya tidak boleh tinggal melebihi tempoh yang sepatutnya apabila pergi ke rumah seseorang. Anda perlu sedar sama ada orang mahu anda terus tinggal atau beredar, jadi jangan tinggal melebihi tempoh yang dialu-alukan."

"Keadaan ini samalah dengan berada di sesuatu jawatan, sekiranya saya tinggal melebihi tempoh yang dialu-alukan dan menunggu hingga rakyat membenci saya baru hendak berundur, maka tentulah ia tidak begitu baik."

Dr Mahathir juga ditanya kenapa beliau kelihatan tidak terpengaruh dengan kuasa sedangkan beliau memegang jawatan yang amat penting iaitu sebagai perdana menteri.

"Kuasa penting bagi membolehkan kita membuat sesuatu perkara. Jika saya tidak menjadi Perdana Menteri, saya tidak boleh melakukan banyak perkara. Saya melalui banyak pengalaman apabila cadangan yang benar-benar baik ditolak dan dikatakan tidak masuk akal, bodoh dan sebagainya.

"Tapi, apabila saya jadi Perdana Menteri, saya boleh melaksanakan cadangan saya itu. Jadi, saya jadi lebih berkesan. Kuasa itu digunakan untuk melakukan sesuatu untuk negara, bukan untuk kita sendiri. Sekiranya kita melakukan sesuatu perkara untuk diri sendiri, orang akan benci kepada kita," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau berundur walaupun, pada waktu yang sama, bercakap mengenai "tugas beliau yang belum selesai".

"Tugas tidak akan pernah selesai. Jika kita ingin menunggu sehingga selesai semua tugas, kita tidak akan berundur.

"Jadi, saya menerima hakikat bahawa saya perlu berundur sekalipun tidak dapat menyelesaikan urusan saya dan berharap moga-moga orang yang menggantikan saya akan meneruskannya," katanya.

Ditanya kenapa beliau tidak menunggu sehingga selepas pilihan raya umum akan datang untuk berundur, Dr Mahathir berkata ini kerana akan terdapat satu demi satu pilihan raya umum di negara ini.

"Jika selesai satu pilihan raya, kita perlu menunggu yang satu lagi...hingga kita tidak boleh berundur."

Dr Mahathir berkata beliau memutuskan untuk berundur sekarang kerana ingin memberi masa yang secukupnya kepada pengganti beliau untuk mengambil alih jawatan dan memimpin dengan berkesan.

Itulah sebabnya beliau ingin berundur pada Jun tahun lepas, iaitu pada pertengahan tempoh penggal pilihan raya yang diadakan lima tahun sekali.

"Saya berjanji kepada diri sendiri akan menolong (berkempen dalam pilihan raya).

Diminta mengulas kenyataan Presiden Pakistan, Pervez Musharraf, bahawa beliau (Dr Mahathir) adalah harta awam dan oleh itu tidak boleh bersara daripada pentas antarabangsa kerana masih banyak yang beliau perlu sumbangkan kepada dunia Islam, Perdana Menteri berkata: "Sekiranya saya diminta berbuat sesuatu yang produktif, ya saya akan beri sumbangan, bukan melalui jawatan rasmi kerana saya tidak boleh mendapat kuasa seperti yang saya dapat di Malaysia sebagai perdana menteri.

"Oleh itu, satu-satunya sumbangan yang boleh saya beri, mungkin dalam bentuk idea. Saya rasa sumbangan saya di Malaysia sendiri adalah dalam bentuk idea. Idea juga adalah kuasa. Kuasa adalah penting untuk melaksanakan idea. Tanpa idea, kuasa tidak ada gunanya, jadi itulah sumbangan saya," katanya.

-- BERNAMA

KH JH AU SP MAI